

# Jom jelajahi The Origin

## MPP 2017/2018

UB 24.5.2018 B2

KOTA KINABALU: Program Pesta Tiong Hua UMS 2018 bertema 'The Origin' anjuran Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2018 berlangsung dengan jayanya baru-baru ini.

Terdapat dua aktiviti yang utama diadakan semasa Pesta Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah (Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah), iaitu Karnival Pesta Tiong Hua dan Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua. Karnival Pesta Tiong Hua dijalankan pada Rabu hingga Jumaat iaitu 18 April hingga 20 April 2018.

Ketiga-tiga aktiviti berlangsung di Padang Kawad, Universiti Malaysia Sabah. Malam Kemuncak Pesta Tiong Hua diadakan pada Jumaat iaitu 27 April 2018 di Dewan Hakka Sabah, Likas.

Program Pesta Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah 2018 dianjurkan dengan tujuan meningkatkan kesedaran UMS terhadap nilai, adat resam dan budaya masyarakat Cina.

Selain itu, program ini juga bertujuan mengeratkan lagi silaturahim sesama mahasiswa dan mahasiswi melalui pelaksanaan aktiviti kebudayaan bagi mencapai integrasi nasional selari dengan matlamat kerajaan yang menekankan konsep perpaduan.

Dengan itu, nama UMS juga dapat diharumkan melalui penganjuran program Pesta

Tiong Hua 2018. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama seluruh ahli jawatankuasa dan sokongan dari penaja yang ikhlas.

Perasmi Pesta Tiong Hua Universiti Malaysia Sabah 2018 iaitu Timbalan Naib Canselor UMS Profesor Dr Shahril Yusof.

Beliau sangat mengagumi usaha seluruh ahli jawatankuasa Pesta Tiong Hua 2018 dalam menjayakan program ini. Beliau turut menyanyi dengan salah satu ahli persembahan pada malam berkenaan.

Disamping itu, beliau juga menaja hadiah wang ringgit sebanyak RM300 untuk sesi cabutan bertuah. Sokongan penuh daripada Profesor Dr. Shahril Yusof memang memberikan galakan bagi semua ahli jawatankuasa.

Antara persembahan yang beliau gemari ialah persembahan alunan instrumen dan muzik tradisional.

Program Pesta Tiong Hua 2018 menakluki pelbagai jenis persembahan yang menarik iaitu tarian singa, tarian tradisional, wushu, tarian moden dan kontemporari, nyanyian dan sebagainya.

Artis yang dijemput, Bell Yu Tian telah menyanyi tiga lagu dengan suara yang amat merdu. Persembahan tarian MTME telah menamatkan program Pesta Tiong Hua 2018.

Program ini disambut meriah oleh mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah.